

# Petrol, diesel naik 10 sen seliter mulai hari ini

UM 20 OCT 2001

KUALA LUMPUR 19 Okt. — Kerajaan mengumumkan kenaikan harga runcit petrol dan diesel sebanyak 10 sen seliter berkuat kuasa esok.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, duti import bagi rokok pula dinaikkan daripada RM180 kepada RM216 sekilogram manakala duti eksais kepada RM48 sekilogram daripada RM40.

Menurut beliau, kerajaan telah menyediakan bantuan subsidi yang besar sebanyak RM4.4 bilion dengan lebih separuh daripada jumlah itu bagi subsidi bahan petroleum.

“Bagi mengurangkan beban kewangan kerajaan, subsidi bahan petroleum ini dikurangkan dengan meningkatkan harga diesel.

“Bagi subsidi diesel, ia dihadkan kepada bekalan untuk kegunaan pengangkutan darat, kerajaan dan bot nelayan sahaja,” katanya ketika membentangkan Belanjawan 2002 di Dewan Rakyat hari ini.

Menurut Dr. Mahathir, kenaikan duti import bagi rokok disebabkan kesedaran bahaya merokok kepada kesihatan masih lagi rendah di kalangan rakyat.

Penularan tabiat merokok ke peringkat pelajar sekolah juga, katanya, amat membimbangkan.

“Kerajaan sedar langkah menaikkan cukai rokok pasti menarik lebih banyak penyeludupan.

“Untuk itu, pendekatan yang lebih agresif dan berkesan akan diambil bagi memastikan penyeludupan dapat ditangani dengan meningkatkan lagi kecekapan pentadbiran Jabatan Kastam dan pihak berkuasa yang terlibat,” katanya.

Mengenai cukai, kata beliau, pengurangan dan penghapusannya akan melibatkan kehilangan hasil kerajaan sebanyak RM1.2 bilion.

Kerajaan juga telah meningkatkan perbelanjaan sebagai langkah merangsang kegiatan ekonomi negara.

Oleh itu, kerajaan perlu mencari sumber yang boleh meningkatkan hasil supaya kedudukan kewangan terus kukuh.

“Kerajaan tidak bercadang meningkatkan kadar cukai perkhidmatan, namun bercadang mengurangkan nilai jualan tahunan cukai tersebut,” katanya.

Sehubungan itu, kata Dr. Mahathir, beliau mencadangkan nilai jualan tahunan bagi tujuan pengenaan cukai perkhidmatan bagi restoran, bar, snek bar dan coffee house, kelab persendirian dan syarikat pengiklanan dikurangkan daripada RM500,000 kepada RM300,000.

Tambahnya, nilai jualan tahunan sebanyak RM300,000 ke atas perkhidmatan profesional turut dikurangkan kepada RM150,000.